

LAMPIRAN B

1 Cara memohon

- 1.1 Melengkapkan Borang Permohonan **Program Penyusunan Penjaja Kecil**. Borang permohonan boleh didapati di kaunter:

Jabatan Pembersihan dan Kesihatan Persekutaran, MBS, Wisma MBS, Persiaran Forest Heights 1, Jalan Seremban-Tampin, 70450 Seremban, Negeri Sembilan

Atau

Pejabat Cawangan Nilai, 1, Kompleks Pentadbiran Kerajaan, Persiaran Pusat Bandar, 71800 Putra Nilai, Negeri Sembilan (Kaunter No.10)

2 Dokumen yang perlu dikemukakan bersama-sama borang permohonan:

- 2.1 Satu (1) salinan Kad Pengenalan pemohon
- 2.2 Satu (1) salinan Kad Pengenalan pembantu
- 2.3 Notis / kompaun Majlis (Jika ada).
- 2.4 Salinan Pendaftaran Perniagaan (SSM).
- 2.5 Gambar Lokasi Tapak Berniaga Sekarang.
- 2.6 Salinan Sijil Kursus Pengendalian Makanan & Suntikan Anti- Tifoid pemohon dan pembantu (bagi yang bermiaga Makanan/ Minuman).
- 2.7 Dua (2) keping gambar pemohon dan pembantu.

3 Syarat-syarat perniagaan:

- 3.1 Tempoh permit perniagaan adalah **3 bulan**.
- 3.2 Hanya dibenarkan memasang khemah saiz **10' x 10'** sahaja.
- 3.3 Tidak dibenarkan menukar jenis perniagaan tanpa kelulusan Majlis ini secara bertulis.
- 3.4 **Tidak dibenarkan bermiaga pada Bulan Ramadhan di tapak tersebut. Tapak hendaklah dikosongkan. Tujuh (7) hari sebelum Bulan Ramadhan.**
- 3.5 **Tidak dibenarkan menggaji/melantik pembantu bukan warganegara.**
- 3.6 Tuan / puan dikehendaki berada di gerai pada setiap masa.
- 3.7 Hanya **makanan halal** sahaja dibenarkan dijual di tapak ini kecuali kebenaran Majlis telah diperolehi untuk menjual makanan-makanan bukan halal.
- 3.8 Semua pengendali makanan perlu mendapat suntikan anti Typoid dan perlu menghadiri kursus pengendali makanan yang diiktiraf oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

- 3.9 Semua pengendali makanan perlu berpakaian bersih, memakai apron, penutup kepala dan kasut sewaktu menjalankan perniagaan.
- 3.10 Tuan / Puan tidak dibenarkan menyewakan tapak ini kepada orang lain. Gerai ini akan ditarik balik sekiranya tuan / puan didapati menyewakan gerai ini kepada orang lain.
- 3.11 Tidak dibenarkan membina sebarang binaan atau struktur di tapak yang disediakan.
- 3.12 **Tidak dibenarkan meninggalkan sebarang peralatan di tapak perniagaan seperti kerusi,meja,khemah dan lain-lain.**
- 3.13 Peniaga dikehendaki memastikan tapak perniagaan sentiasa dalam keadaan bersih selepas tamat waktu perniagaan.
- 3.14 Perlu membersihkan tapak perniagaan dan sampah sarap hendaklah dimasukkan ke dalam beg plastik dan diikat setelah selesai menjalankan perniagaan dan dibuang ke tempat yang dibenarkan oleh MBS.
- 3.15 Mematuhi semua peraturan yang ditetapkan di dalam Akta,Undang-Undang Kecil dan peraturan yang dikuatkuasakan oleh MBS dan lain-lain agensi kerajaan.
- 3.16 Sekiranya tuan / puan didapati tidak mematuhi syarat akan dikenakan tindakan penguatkuasaan dan sekiranya melakukan 3 kesalahan dalam tempoh setahun, tindakan pembatalan tapak akan dilaksanakan.
- 3.17 Tapak akan ditarikbalik sekiranya tuan/puan gagal menjalankan perniagaan selama **7 (tujuh) hari** dalam sebulan tanpa sebarang sebab dan kelulusan Majlis ini.
- 3.18 Pihak Majlis akan menarikbalik gerai ini jika tuan/puan melanggar mana-mana syarat atau arahan yang dikeluarkan dari masa ke semasa.
- 3.19 Tuan/Puan dikehendaki melayani semua pelanggan dengan mesra dan bersopan-santun setiap masa.
- 3.20 Sekiranya didapati segala maklumat yang telah diberi oleh tuan/puan berhubung dengan permohonan semasa temuduga **tidak benar** maka pihak Majlis berhak membatalkan tawaran ini dengan serta merta tanpa sebarang NOTIS lagi.

4 Permohonan yang berikut akan ditolak:

- 4.1 Tidak disertakan dengan dokumen yang diperlukan
- 4.2 Tidak lengkap atau tidak jelas

- 4.3 Tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan dalam iklan.
- 4.4 Borang yang tidak ditandatangani.
- 4.5 Bukan pemastautin negeri Sembilan
- 4.6 Memohon lebih daripada satu (1) petak (hanya 1 petak sahaja akan diterima bagi 1 permohonan)

5 Catatan Am

- 5.1 Calon-calon akan dihubungi melalui panggilan telefon atau secara bersurat
- 5.2 Permohonan yang tidak menerima apa-apa jawapan selepas dua (2) bulan daripada tarikh permohonan dianggap Tidak Berjaya. Tiada makluman bersurat akan dikeluarkan oleh Majlis Bandaraya Seremban